



SIARAN MEDIA

“KARNIVAL ALAM KITA”

DEKATKAN PERKHIDMATAN NRES DENGAN MASYARAKAT

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) memperkukuh pendekatan turun padang dengan memastikan maklumat, perkhidmatan dan manfaat yang ditawarkan oleh Kerajaan khususnya berkaitan alam sekitar serta sumber asli dapat diakses secara terus oleh masyarakat luar bandar, termasuk komuniti di Mukim Sook, Sabah.

Pendekatan berteraskan rakyat itu diterjemahkan menerusi penganjuran Karnival Alam Kita (KAK) Negeri Sabah Tahun 2026 di Dewan Serbaguna SLDB Kampung Dalit Gana pada 28 dan 29 Ogos 2026 yang menjadi platform untuk mendekatkan Jabatan dan Agensi di bawah NRES dengan masyarakat setempat, khususnya dalam meningkatkan kefahaman mengenai isu alam sekitar yang memberi kesan langsung kepada kehidupan seharian.

Menurut Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Dato’ Sri Arthur Joseph Kurup ketika berucap sewaktu merasmikan majlis, perubahan iklim kini bukan lagi isu yang hanya dibincangkan di peringkat antarabangsa, sebaliknya semakin dirasai masyarakat menerusi keadaan cuaca yang lebih panas dan kering, gangguan terhadap sumber air serta risiko kemerosotan kualiti udara.

Ujarnya, keadaan tersebut turut memberi kesan kepada kesihatan, aktiviti pertanian, sumber pendapatan serta kesejahteraan keluarga, sekali gus menjadikan kesedaran dan tindakan berkaitan perubahan iklim di peringkat komuniti semakin penting.

“Apabila suhu semakin meningkat, sumber air mula terjejas dan risiko kebakaran hutan meningkat, keadaan ini akhirnya memberi kesan kepada kualiti udara dan kesejahteraan masyarakat.

“Golongan kanak-kanak, warga emas serta masyarakat yang bergantung kepada sumber alam untuk kehidupan dan pendapatan turut berdepan kesan secara langsung. Justeru, kesedaran terhadap perubahan iklim dan kualiti alam sekitar perlu bermula daripada peringkat komuniti,” katanya lagi.

Sehubungan itu, NRES menerusi Jabatan Meteorologi Malaysia (MET) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) sentiasa memantau serta menyampaikan maklumat berkaitan cuaca, sistem amaran awal dan status Indeks Pencemar Udara (IPU) bagi membantu masyarakat membuat persediaan serta keputusan yang lebih tepat dalam kehidupan seharian.

Beliau berkata, tindakan iklim di peringkat komuniti tidak semestinya memerlukan langkah yang kompleks, sebaliknya boleh dimulakan melalui amalan mudah seperti menanam pokok, menjaga kebersihan sungai, mengurus sisa secara berhemah, mengurangkan pembaziran serta memelihara kawasan hutan dan hidupan liar.

Beliau turut menegaskan bahawa agenda kelestarian alam sekitar perlu dilihat sebagai tanggungjawab bersama antara Kerajaan dan masyarakat, khususnya dalam memastikan alam sekitar yang bersih, sihat dan selamat dapat diwariskan kepada generasi akan datang.

Justeru, Karnival Alam Kita ini untuk memberi peluang kepada masyarakat Sook bagi mendapatkan maklumat serta berinteraksi secara terus dengan Jabatan dan Agensi Kerajaan berkaitan perkhidmatan yang mempunyai kaitan rapat dengan kehidupan mereka.

Antara perkhidmatan dan maklumat yang diketengahkan termasuk maklumat cuaca dan sistem amaran awal, pemantauan kualiti udara, pengurusan sumber air, tanah dan geologi serta pemeliharaan hutan, hidupan liar dan biodiversiti.

Kira-kira 2,000 orang masyarakat setempat yang hadir turut menerima manfaat menerusi pelbagai pengisian rentas Kementerian seperti agihan anak pokok, pameran edukatif hidupan liar, Program Jualan Rahmah MADANI, perkhidmatan perbankan bergerak, pendaftaran MyDigital ID serta bantuan dan pengagihan bakul makanan kepada komuniti setempat. Pendekatan ini mencerminkan komitmen Kerajaan untuk memastikan manfaat perkhidmatan awam tidak hanya tertumpu di bandar atau pusat pentadbiran, sebaliknya turut sampai kepada masyarakat di peringkat akar umbi.

Penganjuran Karnival Alam Kita juga dilihat selari dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan pendekatan Kerajaan yang inklusif, berjiwa rakyat dan memastikan manfaat pembangunan serta perkhidmatan awam dapat dirasai secara lebih saksama.

NRES akan terus memastikan agenda alam sekitar tidak hanya terhad kepada penggubalan dasar di peringkat pusat, sebaliknya diterjemahkan melalui penyampaian maklumat, perkhidmatan, pendidikan dan peluang penglibatan yang dapat dimanfaatkan secara langsung oleh masyarakat.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
29 OGOS 2026

